

4.0 TADBIR URUS

- 4.1** Pemilik Program
- 4.2** Pengurus Program
- 4.3** Urusetia Program Pensijilan
- 4.4** Jawatankuasa Pembangunan Piawaian Kompetensi
- 4.5** Jawatankuasa Teknikal Kerangka
- 4.6** Jawatankuasa Meluluskan Dokumen Kerangka
- 4.7** Jawatankuasa Pengesahan Permohonan
- 4.8** Panel Penilai
- 4.9** Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi
- 4.10** Jawatankuasa Panel Rayuan

4.0 TADBIR URUS

Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR, Malaysia ini akan ditadbir urus berdasarkan peranan dan tanggung jawab seperti berikut:

4.1 PEMILIK PROGRAM

Pemilik program adalah **Pengarah Kanan, CREaTE** yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya.

4.1.1 Peranan dan Tanggungjawab

Pemilik Program bertanggung jawab untuk:

- i. Melantik **Pengurus Program** Pensijilan Kompetensi JKR Malaysia
- ii. Melantik Jawatankuasa Pembangunan Piawaian Kompetensi terdiri daripada Pengarah Kanan/Pengarah, Pemilik Kompetensi, Pakar Rujuk Jabatan dan *Subject Matter Expert (SME)* untuk menyediakan piawaian kompetensi bagi setiap bidang pensijilan yang mengandungi elemen kompetensi, kriteria prestasi dan wajaran pemarkahan; yang mana Pengerusi terdiri daripada Pengarah Kanan / Pengarah berkenaan
- iii. Melantik Jawatankuasa Teknikal Kerangka yang terdiri daripada Wakil Disiplin (Awam, Mekanikal, Elektrikal, Arkitek dan Ukur Bahan), Pemilik (Owner) Kompetensi di peringkat jabatan dan urusetia di Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi (BKPAK) untuk membangunkan Kerangka Program Pensijilan; dipengerusikan oleh Pengarah BKPAK
- iv. Melantik dan mempengerusi Jawatankuasa Meluluskan Kerangka Program Pensijilan bagi penggunaan Jabatan
- v. Membentangkan dokumen Kerangka Program Pensijilan kepada pengurusan tertinggi untuk diperakukan
- vi. Melantik Jawatankuasa Pengesahan Permohonan
- vii. Melantik panel penilai daripada kalangan Pengarah Kanan/Pengarah, pegawai yang memiliki Sijil Kompetensi Teknikal JKR, *Subject Matter Expert* (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia), Pakar Rujuk Jabatan, atau pakar/pesara pakar dari agensi kerajaan atau swasta..
- viii. Melantik dan mempengerusikan Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi JKR Malaysia bagi memperakukan calon menurut tahap pensijilan yang selayaknya.

4.2 PENGURUS PROGRAM

Pengurus Program adalah **Pengarah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK), CREaTE** yang dilantik oleh Pemilik Program.

4.2.1 Peranan dan Tanggungjawab

Pengurus Program bertanggungjawab melaksanakan operasi program ini dan mengarah Ketua Unit serta pasukan BKPAK untuk melaksana aktiviti berikut:

- i. Mengurus pembangunan dan pemantapan Kerangka Program Pensijilan
- ii. Mengurus pembangunan dan pemantapan Dokumen Piawaian Kompetensi bidang
- iii. Mengurus penganjuran kursus-kursus wajib pensijilan dan aktiviti lain yang berkaitan
- iv. Mengurus pelantikan panel penilai kompetensi dari kalangan pegawai JKR atau pakar/pesara pakar daripada jabatan kerajaan atau organisasi swasta
- v. Mengurus pelaksanaan sesi penilaian/temuduga kompetensi
- vi. Mengurus pengesyoran pentaulahan calon yang lulus penilaian untuk pengesahan dan kelulusan Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi.

4.3 URUSETIA PROGRAM PENSIJILAN

Urusetia Program Pensijilan adalah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK), CREaTE.

4.3.1 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Membuat hebahan pelaksanaan program kepada pegawai JKR Cawangan dan Negeri;
- ii. Menerima permohonan dan menyemak kelayakan calon berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam kerangka ini;
- iii. Membentang semakan kelayakan calon untuk menduduki sesi penilaian kompetensi kepada Jawatankuasa Pengesahan Permohonan untuk pengesahan.
- iv. Menguruskan sesi temuduga
- v. Menyediakan laporan penilaian dan menyediakan pengesyoran untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi.
- vi. Menyediakan sijil program pensijilan kompetensi dan sijil penghargaan; dan memaklumkan kepada pemohon keputusan pensijilan melalui surat yang ditandatangani oleh Pemilik Program/Pengarah Program
- vii. Menganjurkan majlis penganugerahan program pensijilan.

4.4 JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PIAWAIAN KOMPETENSI

Jawatankuasa Pembangunan Piawaian Kompetensi bertanggungjawab untuk menyediakan Dokumen Piawaian Kompetensi bagi setiap bidang pensijilan yang mengandungi elemen kompetensi, kriteria prestasi dan wajaran pemarkahan Program Pensijilan. Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pengarah Kanan/Pengarah mengikut kompetensi
- ii. Ahli-ahli Jawatankuasa setiap disiplin yang dilantik oleh Pengerusi yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a) Pemilik Kompetensi

- b) Pakar Rujuk Jabatan, *Subject Matter Expert(SME)*, pegawai yang memiliki Tahap 4 dan lain-lain pegawai mengikut kesesuaian.
- iii. Urusetia: Kompetensi Disiplin

4.4.1 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Membangunkan piawaian kompetensi bagi setiap bidang pensijilan.
- ii. Mengemaskini dan memantapkan piawaian kompetensi bagi setiap bidang pensijilan mengikut keperluan semasa.

4.5 JAWATANKUASA TEKNIKAL KERANGKA

Jawatankuasa Teknikal bertanggungjawab untuk membangunkan Kerangka Program Pensijilan. Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pengarah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK)
- ii. Ahli-ahli Jawatankuasa setiap disiplin yang dilantik oleh Pengerusi yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a) Pengarah Kanan/Pengarah/Wakil Disiplin (Awam, Mekanikal, Elektrikal, Arkitek dan Ukur Bahan)
 - b) Semua Pemilik Kompetensi di peringkat Jabatan
- iii. Urusetia: CREaTE.

4.5.1 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Membangunkan Kerangka Program Pensijilan.
- ii. Mengemaskini dan memantapkan Kerangka Program Pensijilan mengikut keperluan semasa.

4.6 JAWATANKUASA MELULUSKAN DOKUMEN KERANGKA PROGRAM PENSIJILAN

Jawatankuasa mengesah dan meluluskan Dokumen Kerangka Program Pensijilan bertanggungjawab untuk memperakarkan dokumen kerangka pensijilan kompetensi JKR. Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pengarah Kanan CREaTE
- ii. Dua (2) orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a) Pengarah Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan (BKPAK)
 - b) Pengarah Bahagian Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan (BIPPK)
- iii. Urusetia : CREaTE

4.6.1 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Mengesah dan meluluskan Dokumen Kerangka Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR.
- ii. Mengemaskini dan memantapkan Dokumen Kerangka Program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR mengikut keperluan semasa.

4.7 JAWATANKUASA PENGESAHAN PERMOHONAN

Jawatankuasa Pengesahan Permohonan bertanggungjawab untuk mengesahkan kelayakan calon yang memohon untuk mengikuti program pensijilan. Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pengarah BKPAK
- ii. Ahli: Semua Ketua Unit di BKPAK, CREaTE
- iii. Urusetia: CREaTE

4.7.1 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Menerima permohonan dan menyemak kelayakan calon berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam kerangka dan borang permohonan yang diterima (disahkan oleh Pemilik Kompetensi dan disokong oleh Pengarah Kanan/ Pengarah)
- ii. Mengesahkan senarai calon-calon yang layak.

4.8 PANEL PENILAI

Panel Penilai bertanggungjawab untuk menyemak, menilai dan mempertimbangkan permohonan calon ketika sesi temuduga berdasarkan Laporan Pengalaman dan Laporan Teknikal yang merangkumi ketiga-tiga komponen iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Panel penilai akan memberi pemarkahan berdasarkan prestasi calon dan skema pemarkahan kompetensi tahap yang dimohon setelah selesai keseluruhan proses penilaian temuduga kepada urusetia untuk dinilai.

Panel penilai yang dilantik oleh Pemilik Program adalah terdiri daripada Pengarah Kanan, Pengarah, *Subject Matter Expert (SME)*(Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia), Pakar Rujuk Jabatan, pegawai yang memiliki Sijil Kompetensi Teknikal JKR Tahap yang lebih tinggi; dan pakar/pesara pakar daripada agensi kerajaan atau swasta.

4.8.1 Peranan dan tanggungjawab

- i. Panel Penilai bertanggungjawab untuk menyemak, menilai dan mempertimbangkan permohonan calon ketika sesi temuduga berdasarkan Laporan Pengalaman dan Laporan Teknikal yang merangkumi ketiga-tiga komponen iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap.

- ii. Memberi markah berdasarkan skema pemarkahan calon kepada urusetia program pensijilan.
- iii. Memberi keterangan di dalam Jawatankuasa Panel Rayuan (jika perlu).

4.9 JAWATANKUASA PERAKUAN PENSIJILAN KOMPETENSI

Jawatankuasa Perakuan Pensijilan Kompetensi bertanggungjawab untuk memperakukan calon yang layak dianugerahkan Sijil Kompetensi. Jawatankuasa ini dianggotai secara tetap oleh:

- i. Pengerusi: Pemilik Program (Pengarah Kanan CREaTE)
- ii. Dua (2) orang ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengerusi yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a) Ketua Disiplin / Wakil (Awam, Mekanikal, Elektrikal, Arkitek dan Ukur Bahan).
 - b) Pengurus Program (Pengarah BKPAK, CREaTE).
- iii. Urusetia: CREaTE.

4.9.1 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Memperakukan penganugerahan sijil kompetensi kepada calon yang layak.

4.10 JAWATANKUASA PANEL RAYUAN

Jawatankuasa Panel Rayuan akan dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya dan bertanggungjawab untuk menyemak, menilai dan mempertimbangkan rayuan calon ke atas keputusan penilaian program pensijilan ini. Jawatankuasa ini akan membuat pengesoran sama ada bersetuju atau tidak dengan rayuan.

Jawatankuasa Panel Rayuan dianggotai oleh:

- i. Pengerusi: Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar);
- ii. Dua (2) orang ahli Jawatankuasa seperti berikut:
 - a) Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK), JKR
 - b) *Subject Matter Expert (SME)*/Pakar Rujuk Jabatan/Pegawai kompeten (Tahap Pensijilan lebih tinggi daripada calon) atau mana-mana pegawai jabatan yang sesuai dan bukan terdiri daripada Panel Penilai yang menilai calon sebelum ini.
- iii. Urusetia: CREaTE

4.10.1 Peranan dan Tanggungjawab

- i. Menyemak, menilai dan mempertimbangkan rayuan calon ke atas keputusan penilaian program pensijilan ini.

Panel penilai yang berkenaan akan dijemput memberi keterangan (jika perlu)
Keputusan Jawatankuasa Panel Rayuan adalah muktamad.